

12 MAC 2018

Suami isteri ditahan miliki dadah


Suami isteri ditahan miliki dadah

PASIR MAS - Polis merampas 31 gram syabu dan 70 biji pil kuda berjumlah RM2,910 selepas menahan sepasang suami isteri dalam serbuan di Kampung Gual Periok, Rantau Panjang di sini pada 6 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Abdullah Mohamad Piah berkata, pasangan yang ditahan itu berusia 32 dan 35 tahun.

"Penahanan pasangan ini turut membawa kepada penemuan dadah berjumlah RM2,910," katanya.

Menurutnya, saringan air kencing mendapati lelaki berkenaan positif dadah dan mem-

 **Turut
bawa
kepada
penemuan
dadah
berjumlah
RM2,910."**
- Abdullah

punyai satu rekod jenayah lampau berkait dadah.

Katanya, dalam serbuan kedua di Kampung Limbat, Bunut Susu pada 8 Mac lalu pihaknya memberkas seorang warga emas dipercayai pengedar dadah dan penahanan itu membawa kepada rampasan tiga gram heroin berjumlah RM2,000.